

Kaji Semula Peruntukan Subsidi, Kata MIER

Bernamea

7 Mac, 2014

KUALA LUMPUR, 7 Mac (Bernama) -- Kerajaan perlu mengkaji semula peruntukan subsidi dan memperuntukkan semula dana itu kepada sumber pertumbuhan produktif, kata seorang pakar ekonomi terkemuka.

Ini akan menjadikan ekonomi lebih efisien dan berdaya tahan," kata Pengerusi Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia Tan Sri Dr Sulaiman Mahbob.

Kajian semula itu, yang boleh dilakukan secara berperingkat, dapat meningkatkan lagi industri tempatan untuk bersaing di arena antarabangsa, katanya.

"Kita perlu memodenkan industri. Subsidi tidak boleh meningkatkan kecekapan, dan menyekat keupayaan mereka untuk berdikari. Dalam tempoh jangka panjang, mereka tidak akan berdaya maju, jadi mengapa kita mahu menggalakkan peruntukan subsidi?"

"Justeru itu, industri-industri berupaya bersaing di peringkat antarabangsa dan boleh menyesuaikan diri dengan teknologi perindustrian, manakala kos berasaskan kepada keadaan pasaran dan bukan disubsidikan," katanya kepada Bernama selepas menyertai perbincangan panel di Sidang Kemuncak dan Dialog Ekonomi Kebangsaan bersama Perdana Menteri di sini, Jumaat.

Sulaiman juga berkata kerajaan hanya boleh menyediakan subsidi kepada industri baharu yang sesuai untuk membantu mereka berkembang dan memastikan penggunaan efektif sumber.

"Sebaik sahaja industri matang, ia boleh hidup dengan sendiri," katanya.

Sidang kemuncak itu yang dianjurkan bersama oleh Pertubuhan Agensi Berita Nasional (Bernama) dan Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (ASLI) bertemakan 'Memacukan Ekonomi Malaysia: Meneliti Punca Utama'.

Ia dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak, dan berjaya menarik penyertaan kira-kira 500 peserta tempatan dan asing terdiri daripada agensi kerajaan, syarikat berkaitan kerajaan, ketua-ketua korporat, pakar ekonomi dan duta.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1020048>